

12 MAR 2000

Wan Mokhtar-Buku

WAN MOKHTAR CADANG TULIS BUKU

KUALA TERENGGANU, 12 Mac (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berhasrat untuk menulis sebuah buku bagi merakamkan pengalaman politiknya selama hampir 30 tahun untuk tatapan generasi muda.

Tokoh veteran itu berkata, beliau bercadang menyiapkan buku itu bagi merakamkan pengalaman politik beliau terutama bersama-sama Umno sejak zaman alahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sedang memikirkan secara serius untuk menulis buku itu bagi mengetengahkan pengalaman saya dalam politik untuk dikongsi bersama-sama generasi baru Malaysia," katanya dalam pertemuan dengan media tempatan di kediamannya di sini malam tadi.

Wan Mokhtar merupakan Menteri Besar paling lama berkhidmat selama 25 tahun sebelum tewas kepada calon PAS Awang Dagang Yusof pada pilihan raya umum lalu.

Wan Mokhtar berkata kandungan buku itu juga dijangka menumpukan pengalaman beliau berdepan dengan parti pembangkang, PAS, sejak 30 tahun lepas di negeri ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan lebih lanjut bila penulisan buku itu akan dimulakan.

Ketika ditanya mengenai Umno di Terengganu, beliau berkata ahli Umno perlu peka dengan perjuangan parti dan mengeneipkan kepentingan diri bagi memastikan keutuhan Umno.

Mengenai pengalamannya memimpin kerajaan Barisan Nasional di Terengganu, Wan Mokhtar berkata, beliau memberi tumpuan lebih kepada pembangunan fizikal, pendidikan dan pembangunan insan.

Katanya banyak duit telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk menubuhkan pusat-pusat latihan bagi memastikan rakyat Terengganu dilengkapi dengan kemahiran agar mereka mampu mengisi pembangunan.

Beliau berpendapat kerajaan PAS seakrang akan menghadapi kesukaran untuk mentadbir negeri ini kerana mempunyai sumber kewangan yang terbatas.

"Sumber kewangan yang mantap amatlah perlu bagi melaksanakan program pembangunan untuk faedah rakyat," katanya.

Mengenai hutang lebih RM700 juta semasa kerajaan Barisan Nasional di negeri ini yang didakwa oleh Kerajaan Negeri pimpinan PAS, Wan Mokhtar berkata ia digunakan bagi menjana program pembangunan terutama menjalankan kajian pembekalan air untuk negeri ini bagi tempoh 15 tahun akan datang.

Ketika ditanya apakah beliau akan membuat rumah terbuka pada Hari Raya Aidil Adha ini, Wan Mokhtar secara berjenaka berkata: "Biarlah wakil rakyat yang baru mengambil alih tugas itu dan mendampingi rakyat".

-- BERNAMA

SN FAZ